



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM  
KEMAHIRAN HIDUP DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH  
DI MALAYSIA BERDASARKAN MODEL PENILAIAN KONTEKS,  
INPUT, PROSES DAN PRODUK**

**AZIZI HJ. YAHAYA**

**FPP 1999 45**

KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM KEMAHIRAN HIDUP DI  
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA BERDASARKAN  
MODEL PENILAIAN KONTEKS, INPUT, PROSES DAN PRODUK

Oleh

AZIZI HJ. YAHAYA

Disertasi ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Memperolehi Ijazah Doktor Falsafah Di Fakulti Pengajian  
Pendidikan Universiti Putra Malaysia

Januari 1999



## **PENGHARGAAN**

Segala puji-pujian kepada ALLAH s.w.t dan selawat ke atas junjungan kita Muhammad s.a.w. Dengan berkat KurniaNya barang yang diberikan kepada saya yang tidak mempunyai daya upaya, maka dengan bantuanNya juga dapatlah saya menyiapkan disertasi ini. Saya berasa bersyukur kehadiran ALLAH s.w.t. kerana memberi kekuatan dan kesabaran untuk menyiapkan disertasi ini. Walaupun terpaksa menempuhi pelbagai dugaan dan cabaran.

Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Prof. Madya Dr. Hj. Turiman Suandi, selaku pengerusi jawatankuasa saya yang telah banyak membantu dalam memberi idea-idea yang tidak terhingga nilainya. Beliau bukan sahaja setakat memberi idea, malah telah memberi banyak bimbingan, galakan dan dorongan sehingga saya berjaya menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada ahli jawatan kuasa pengajian siswazah saya yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Hajjah Aminah Ahmad dan Dr. Bahaman Abu Samah yang telah membantu saya dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Mereka sentiasa sanggup meluangkan masa untuk membantu dengan memberi bimbingan, komen dan cadangan-cadangan yang bernas tanpa mengenal erti jemu. Semoga kesemua usaha mereka diberkati oleh ALLAH s.w.t.



Penghargaan ini juga diberikan kepada Prof. Dr. Rahim Md. Sail, Prof. Madya Dr. Hj. Azimi Hamzah dan Dr. Shamsuddin Ahmad yang memberi komen yang mengenai kebolehpercayaan dan kesahan instrumen.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Zaiton Sidin, Prof. Madya Dr. Mat Jizat Abdol, Prof. Madya Hj. Hazel Abd Hamid, Prof. Madya Dr. Shahrom Nordin dan Dr. Mohd Najib Abd Ghaffar daripada Universiti Teknologi Malaysia yang membantu memberi idea dan komen sepanjang saya menyediakan disertasi ini.

Dan akhirnya rakaman penghargaan ini ditujukan kepada isteri saya Asmah Suboh yang sentiasa memahami di atas kesibukan saya dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Begitu juga dengan anak-anak saya, Mohd. Helmi, Nurulhuda, Nurul Ezzati dan Muhammad Zuhairi yang sentiasa menjadi dorongan untuk ayah menyiapkan disertasi ini. Tidak lupa juga salam Fatimah kepada arwah ibu saya yang telah kembali ke Rahmatullah pada 10.9.1998 semoga Allah meletakkan rohnya ke tempat orang-orang yang beriman. Kepada bapa saya, terimalah ini sebagai dugaan ALLAH s.w.t dan terima kasih kerana melahir dan membesar saya sehingga sekarang. Kepada adik-beradik saya yang sentiasa memberi sokongan bagi memastikan disertasi ini dapat disempurnakan dengan berjaya. Semoga ALLAH s.w.t sentiasa memberkati usaha mereka.

Universiti Putra Malaysia  
Serdang Selangor DE  
1999

AZIZI HJ. YAHAYA



## KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN.....	ii
KANDUNGAN.....	iv
SENARAI JADUAL .....	xiv
SENARAI RAJAH .....	xiii.
GLOSARI .....	xiv
ABSTRAK (Bahasa Malaysia).....	viii
ABSTRACT (Bahasa Inggeris).....	xi
 <b>BAB</b>	
I    PENDAHULUAN.....	1
Latar Belakang Kajian .....	1
Kemahiran Hidup .....	4
Objektif Kemahiran Hidup .....	5
Rancangan Pelaksanaan Kemahiran Hidup.....	6
Penilaian Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup .....	8
Pernyataan Masalah .....	13
Soalan Kajian .....	16
Objektif Kajian .....	17
Kepentingan Kajian .....	18
Batasan Kajian .....	21
Definisi Operasional .....	22
Guru Kemahiran Hidup .....	22
Kemahiran Hidup .....	22
Latihan .....	23
Pengetua .....	23
Penilaian.....	23
Keberkesanan .....	23
Persepsi .....	24
Sikap Guru .....	24
Sikap Pelajar .....	24
II    TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN .....	25
Pendahuluan.....	25
Ke arah Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup .....	26
Penerapan Nilai Murni .....	27
Konsep Bersepadu .....	27
Kesesuaian Kurikulum Dalam Pendidikan.....	30
Guru dan Peranan .....	32
Objektif Pengajaran dan Pembelajaran.....	34
Penilaian .....	36
Konsep Penilaian .....	37



	Model-model Penilaian .....	44
	Model Penilaian Rasional .....	45
	Model Penilaian Responsif.....	49
	Model Penilaian Matlamat Bebas .....	51
	Model Penilaian Penerangan (Illuminative) .....	52
	Model Penilaian Ketidaksamaan (Discrepancy).....	53
	Model Penilaian Individu .....	54
	Model Penilaian Bertentangan (Adversary).....	54
	Model Penilaian KIPP .....	56
	Rumusan .....	60
	Kajian Berkaitan Dengan Penilaian .....	61
	Kerangka Kajian .....	66
	Penilaian Konteks .....	67
	Penilaian Input .....	70
	Penilaian Proses .....	74
	Penilaian Produk .....	76
	Kesimpulan.....	80
III	KAEDAH PENYELIDIKAN.....	81
	Pengenalan .....	81
	Rekabentuk Penyelidikan .....	82
	Populasi Kajian .....	84
	Kebolehpercayaan dan Kesahan Alat-Alat Kajian.....	87
	Instrumen Kajian .....	90
	Bahagian 1.....	91
	Soalselidik Demografi .....	91
	Bahagian 2.....	91
	Soalselidik Dimensi Konteks .....	91
	Bahagian 3.....	92
	Soalselidik Dimensi Input .....	92
	Bahagian 4.....	93
	Soalselidik Dimensi Proses .....	93
	Bahagian 5.....	94
	Soalselidik Dimensi Produk.....	94
	Kajian Perintis .....	95
	Prosedur Kajian .....	96
	Penganalisan Data .....	97
IV	HASIL KAJIAN .....	98
	Pengenalan .....	98
	Bahagian A .....	98
	Bahagian B .....	98
	Dimensi Konteks .....	99
	Dimensi Input .....	99
	Dimensi Proses .....	99
	Dimensi Produk .....	99
	Bahagian A .....	100
	Latar belakang Responden.....	100
	Bangsa.....	100

Jantina .....	101
Umur .....	101
Kelulusan Akademik.....	102
Pengalaman Mengajar.....	103
Pengalaman Mengajar Kemahiran Hidup .....	103
Peringkat Kursus Kemahiran Hidup.....	104
Elektif Mata Pelajaran Kemahiran Hidup.....	105
Pengkhususan di Maktab/Universiti .....	106
Kombinasi Jadual Waktu Kemahiran Hidup .....	107
Jenis-jenis Kursus Kemahiran Hidup .....	108
Bahagian B .....	109
Keberkesanan Dari Dimensi Konteks .....	109
Kerelevanan Objektif Kemahiran Hidup Dengan	
Falsafah Pendidikan Negara .....	110
Sikap Dan Kesediaan Guru Terhadap Perubahan	
Kurikulum Kemahiran Hidup .....	113
Masalah-masalah Yang Timbul Sebelum	
Pelaksanaan Kemahiran Hidup .....	117
Keberkesanan Kemahiran Hidup	
Dari Dimensi Input .....	122
Tahap Keyakinan Guru-guru Kemahiran Hidup Berdasarkan	
Topik-topik Yang Terdapat Dalam Sukatan.....	123
Kelengkapan Peralatan dan Bengkel Di Sekolah .....	125
Peruntukan Kewangan .....	130
Pelaksanaan Jadual Waktu di Sekolah .....	133
Sokongan Pengetua .....	136
Kemahiran Guru Mengajar Topik-topik Yang	
Terdapat Dalam Kemahiran Hidup .....	140
Latihan Kemahiran Hidup .....	143
Pengetahuan Guru Terhadap Topik-topik Yang	
Terdapat Dalam Kemahiran Hidup .....	147
Keberkesanan Kemahiran Hidup	
Dari Dimensi Proses .....	150
Cara Guru Menjalankan Penilaian Kemahiran	
Hidup .....	150
Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran .....	154
Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Mengikut	
Pendapat Pelajar .....	158
Keberkesanan Kemahiran Hidup	
Dari Dimensi Produk.....	163
Pencapaian Objektif Kemahiran Hidup .....	163
Perubahan Sikap Pelajar Selepas Mempelajari	
Kemahiran Hidup (Persepsi Guru) .....	168
Perubahan Sikap Pelajar Selepas Mempelajari	
Kemahiran Hidup (Persepsi Pelajar) .....	172
Kesimpulan .....	177



V	RUMUSAN,PERBINCANGAN IMPLIKASI DAN CADANGAN.....	178
	Pengenalan .....	178
	Objektif .....	178
	Metodologi .....	179
	Rumusan .....	180
	Populasi Kajian .....	180
	Hasil Kajian .....	181
	Latar Belakang Responden .....	181
	Dimensi Konteks .....	182
	Kerelevanan Objektif Kemahiran Hidup Dengan	
	Falsafah Pendidikan Negara .....	183
	Sikap Guru Terhadap Perubahan Kurikulum	
	Kemahiran Hidup .....	184
	Masalah-Masalah Sebelum Pelaksanaan	
	Program Kemahiran Hidup .....	185
	Dimensi Input .....	186
	Tahap Keyakinan Guru-guru Mengajar Kemahiran	
	Hidup Berdasarkan Topik-topik Yang Terdapat	
	Dalam Sukatan .....	186
	Kelengkapan Peralatan dan Bengkel Sekolah .....	187
	Peruntukan Kewangan .....	188
	Pelaksanaan Jadual Waktu di Sekolah .....	188
	Sokongan Pengetua .....	189
	Kemahiran Guru Mengajar Topik-topik Yang	
	Terdapat Dalam Kemahiran Hidup .....	190
	Latihan Kemahiran Hidup .....	190
	Pengetahuan Guru Mengajar Topik-topik	
	Yang Terdapat Dalam Kemahiran Hidup .....	191
	Dimensi Proses.....	191
	Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran .....	191
	Cara Guru Menjalankan Penilaian Kemahiran	
	Hidup .....	191
	Dimensi Produk.....	194
	Pencapaian Objektif Kemahiran Hidup .....	194
	Perubahan Sikap Pelajar Selepas Mempelajari	
	Kemahiran Hidup .....	196
	Perbincangan Hasil Kajian .....	197
	Latar belakang Responden .....	197
	Dimensi Konteks .....	199
	Kerelevanan Objektif Kemahiran Hidup Dengan	
	Falsafah Pendidikan Negara .....	200
	Masalah Sebelum Pelaksanaan	
	Kemahiran Hidup .....	201
	Dimensi Input .....	203
	Keyakinan Guru Kemahiran Hidup .....	204
	Pengetahuan Guru Mengajar Topik-topik Yang	
	terdapat Dalam Kemahiran Hidup .....	205
	Sokongan Pengetua .....	206



Peruntukan Masa .....	207
Dimensi Proses.....	209
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	209
Cara Penilaian Projek .....	213
Dimensi Produk .....	214
Pencapaian Objektif Kemahiran Hidup .....	214
Perubahan Sikap Pelajar Kemahiran Hidup .....	215
Kesimpulan .....	219
Implikasi dan Cadangan .....	220
Cadangan Untuk Kajian Lanjutan .....	223
BIBLIOGRAFI .....	226
LAMPIRAN	
A    Soalselidik.....	243
B    Surat Pengesahan Soalselidik .....	268
C    Surat-surat kebenaran .....	269
BIODATA .....	270



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Bilangan Sampel Mengikut Elektif Seluruh Malaysia	86
2	Taburan Responden Mengikut Bangsa .....	100
3	Taburan Responden Mengikut Jantina .....	101
4	Taburan Responden Mengikut Umur .....	102
5	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik Tertinggi .....	102
6	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar .....	103
7	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Kemahiran Hidup.....	104
8	Taburan Responden Mengikut Peringkat Kursus Kemahiran Hidup .....	105
9	Taburan Responden Mengikut Mata Pelajaran Elektif Diajar .....	106
10	Taburan Responden Mengikut Pengkhususan Di Maktab/Universiti .....	107
11	Taburan Responden Mengikut Kombinasi Waktu Kemahiran Hidup Di sekolah .....	108
12	Kursus-Kursus Yang Dihadiri Oleh Guru Kemahiran Hidup .....	109
13	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Kerelevanan Objektif Kemahiran Hidup Dengan Falsafah Pendidikan Negara .....	111
14	Taburan Responden Mengikut Tahap Di antara Kerelevanan Objektif Kemahiran Hidup Dengan Falsafah Pendidikan Negara .....	113



15	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Sikap Guru Terhadap Perubahan Kurikulum Dalam Kemahiran Hidup .....	115
16	Taburan Responden Mengikut Tahap Sikap Guru Terhadap Perubahan Kurikulum Dalam Kemahiran Hidup .....	117
17	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Hidup .....	120
18	Taburan Responden Mengikut Tahap Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru-guru Kemahiran Hidup .....	122
19	Taburan Responden Mengikut Tahap Keyakinan Mengajar Topik-Topik Kemahiran Hidup .....	124
20	Taburan Responden Mengikut Tahap Keyakinan Guru Mengajar Kemahiran Hidup Kemahiran Hidup .....	125
21	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Pernyataan Guru Terhadap Kelengkapan Peralatan dan Bengkel Untuk Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup .....	128
22	Taburan Responden Mengikut Tahap Kelengkapan Peralatan dan Bengkel Kemahiran Hidup .....	129
23	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Pernyataan guru Terhadap Peruntukan Kewangan Untuk Kemahiran Hidup di Sekolah .....	132
24	Taburan Responden Mengikut Tahap Peruntukan Kewangan Kemahiran Hidup .....	134
25	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Waktu Kemahiran Hidup .....	135
26	Taburan Responden Mengikut Tahap Pelaksanaan Waktu Kemahiran Hidup .....	136
27	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Sokongan Pengetua Dalam Pelaksanaan Kemahiran Hidup Dalam Peratus .....	138

28	Taburan Responden Mengikut Tahap Sokongan Pengetua Terhadap Kemahiran Hidup .....	140
29	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Tahap Kemahiran Guru Mengajar Kemahiran Hidup.....	142
30	Taburan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Mengajar Kemahiran Hidup Mengikut Option .....	143
31	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Latihan Kemahiran Hidup .....	145
32	Taburan Responden Mengikut Tahap Latihan Kemahiran Hidup .....	147
33	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Pengetahuan Guru Terhadap Pengajaran Kemahiran Hidup Mengikut Sukatan Pelajaran .....	148
34	Taburan Responden Mengikut Tahap Pengetahuan Mengajar Hidup Topik-topik Kemahiran .....	150
35	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Strategi Penilaian Projek Kemahiran Hidup .....	152
36	Taburan Responden Mengikut Tahap Strategi Penilaian Kemahiran Hidup.....	154
37	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Pernyataan guru Terhadap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Bilik Darjah .....	156
38	Taburan Responden Mengikut Tahap Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Guru Kemahiran Hidup.....	158
39	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Pengajaran dan Pembelajaran Guru Mengikut Persepsi Pelajar .....	160
40	Taburan Responden Mengikut Tahap Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Mengikut Persepsi Murid .....	161



41	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Pencapaian Objektif Kemahiran Hidup Selaras Dengan Falsafah Pendidikan Negara .....	165
42	Taburan responden Mengikut Tahap Pencapaian objektif Kemahiran Hidup .....	167
43	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Perubahan Sikap Pelajar Selepas Mempelajari Kemahiran Hidup Berdasarkan Persepsi Guru .....	169
44	Taburan Responden Mengikut Tahap Sikap Pelajar (Persepsi Guru) .....	172
45	Taburan Responden, Min dan Sisihan Piawai Bagi Mengukur Tahap Perubahan sikap Pelajar Selepas mempelajari Kemahiran Hidup Berdasarkan Persepsi Pelajar.....	174
46	Taburan Responden Mengikut Tahap Sikap Pelajar (Persepsi Pelajar) .....	177



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Pengagihan Tajuk-tajuk Dari elektif dan Mata Pelajaran Lain Bagi Kemahiran Hidup .....	7
2	Struktur Susunan Kedudukan Kemahiran Hidup Bersepadu .....	8
3	Kerangka Kajian Berdasarkan kepada Model KIPP .....	79
4	Reliabiliti Kkoefisiensi Terhadap Beberapa Variabel .....	89

## **GLOSARI**

KH	Kemahiran Hidup
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
SPN	Pilihan Sains Pertanian
ERT	Pilihan Ekonomi Rumah Tangga
KMT	Pilihan Kemahiran Manipulatif Tambahan



Abstrak disertasi ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Doktor Falsafah.

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROGRAM KEMAHIRAN HIDUP  
DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA  
BERDASARKAN MODEL PENILAIAN  
KONTEKS, INPUT, PROSES, PRODUK**

Oleh

**AZIZI HJ. YAHAYA**

**JANUARI 1999**

**Pengerusi: Prof. Madya Hj. Turiman Suandi, Ph.D.**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Tujuan kajian ini ialah untuk menilai keberkesanan pelaksanaan program Kemahiran Hidup berdasarkan model penilaian KIPP (Konteks, Input, Proses dan Produk) oleh Stufflebeam (1971).

Dalam kajian ini, keberkesanan pelaksanaan Kemahiran Hidup dinilai dari segi (1) dimensi konteks (kerelevanan objektif Kemahiran Hidup dengan Falsafah Pendidikan Negara, permasalahan sebelum pelaksanaan Kemahiran Hidup dan sikap dan kesediaan guru terhadap perubahan dalam Kemahiran Hidup); (2) dimensi input (keyakinan guru mengajar, kemahiran dan pengetahuan guru, peralatan, bengkel, kemudahan, jadual waktu, peruntukan kewangan, latihan dan sokongan pengetua); (3) dimensi proses (strategi pengajaran dan pembelajaran guru-guru Kemahiran Hidup,



dan cara guru menilai kerja-kerja projek pelajar); dan (4) dimensi produk (hasil perubahan sikap pelajar, pencapaian dan objektif Kemahiran Hidup).

Soalselidik digunakan untuk tujuan kajian ini dan dibentuk berdasarkan model KIPP oleh Stufflebeam. Soalselidik diedarkan melalui pos dan juga diedar sendiri oleh penyelidik di Selangor, N.Sembilan, Kelantan, Pulau Pinang dan Johor. Seramai 250 orang guru dan 150 pelajar menjadi responden dalam kajian. Kebolehpercayaan soalselidik berdasarkan kepada setiap dimensi yang terdapat dalam model KIPP ialah melebihi daripada 0.7. Statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk tujuan kajian ini.

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa, dari segi dimensi konteks menunjukkan keputusan yang diperolehi daripada sikap guru terhadap perubahan Kemahiran Hidup dan sebelum pelaksanaan Kemahiran Hidup adalah tidak berkesan kerana terdapat banyak masalah yang timbul. Walau bagaimanapun dari segi kerelevanan objektif Kemahiran Hidup dengan Falsafah Pendidikan Negara, dan keyakinan guru terhadap Kemahiran Hidup menunjukkan keberkesanan.

Dari segi dimensi input, didapati kelengkapan peralatan dan bengkel, sokongan pengetua, kemahiran guru mengajar, dan latihan adalah tidak berkesan secara keseluruhannya. Sementara dari segi peruntukan kewangan, jadual waktu dan masa dan pengetahuan guru menunjukkan keberkesanan yang tinggi.

Dari segi dimensi proses, didapati cara penilaian projek yang dijalankan oleh guru secara keseluruhannya tidak berkesan, tetapi dari segi strategi pengajaran dan pembelajaran guru didapati berkesan.

Akhir sekali dari segi produk didapati pencapaian objektif Kemahiran Hidup secara keseluruhannya adalah tidak berkesan. Walau bagaimanapun, terdapat pelajar-pelajar yang menunjukkan perubahan sikap, peningkatan kemahiran, pengetahuan dan nilai-nilai murni yang baik.

Kajian mencadangkan untuk mencapai objektif Kemahiran Hidup yang baik, program latihan yang menyeluruh kepada guru-guru perlu diadakan untuk meningkatkan kecekapan guru-guru dari segi kemahiran, pengetahuan dan keyakinan diri. Kelengkapan peralatan dan bengkel untuk tujuan melatih pelajar perlu mencukupi untuk tujuan pengetahuan dan kemahiran diri.

Kajian ini, mendapati, bahawa program Kemahiran Hidup perlu diteruskan kerana program ini telah menunjukkan hasil yang baik dari segi sikap pelajar yang dapat menghayati nilai-nilai murni, pengetahuan dan kemahiran.

Abstract of dissertation submitted to the Senate of Universiti Putra Malaysia in Partial fulfillment requirements for the degree of Doctor of Philosophy.

**THE EFFECTIVENESS OF THE IMPLEMENTATION OF THE LIVING SKILLS PROGRAM OF THE SECONDARY SCHOOLS IN MALAYSIA BASED ON THE CIPP EVALUATION MODEL**

By

**AZIZI HJ. YAHAYA**

**JANUARY 1999**

**Chairman: Assoc. Prof. Hj. Turiman Suandi, Ph.D**

**Faculty: Educational Studies**

The aim of this study is to evaluate the effectiveness of the implementation of Living Skills program based on the evaluation model CIPP (Contexts-Input-Process-Product) by Stufflebeam (1971).

In this study, the evaluation of the implementation of Living Skills program focussed on (1) Context dimension (the relevance between the Living Skills objectives and the National Education Philosophy, problems before implementation Living Skills, and teachers' attitudes towards changes); (2) Input dimension (teacher's confidence in teaching Living Skills, teachers' skill and knowledge in Living Skills, facilities and workshops, teaching period, financial allocation, training, and principal support.); (3) Process dimension (teaching and learning strategies and teacher's method in



evaluating student's project); and (4) Product dimension which is the achievement of Living Skills objectives and the changes of students' attitude after completing the Living Skills program.

Questionnaires were used in this study and were constructed based on the CIPP evaluation model by Stufflebeam (1971). The questionnaire was distributed through post and was also personally distributed by the researcher. Five states were involved in this study, Selangor, Johore, Kelantan, Negeri Sembilan, and Penang. Two hundred and fifty teacher's and 150 Form four students were involved in this study. The alfa-cronbach was used to test the reliability of the instrument and it shows that each dimension in CIPP model exceeds 0.7. Descriptive statistics such as mean, standard deviation, percentage and frequencies were used to analyze the data.

Results of these study shows that from context dimension such as teacher's attitudes towards changes and problems faced by teacher's were not effective because many problems arose from it. Variables that show effectiveness were the relevance between Living Skills objectives and National Education Philosophy and teacher's confidence towards teaching Living Skills.

As for input dimension, it is found that variables such as facilities equipment and workshops, principal support, teacher's skill in teaching Living Skills and training were not effective. Only variables such as financial allocation, teaching period, and teacher's knowledge shows effectiveness.

In the process dimension, variables such as teaching and learning strategies show effectiveness but teacher's method of evaluating student's project was not effective.

Lastly, the product dimension shows that the objectives of the Living Skills on the whole were not achieved, although there was an improvement in student's attitude in skills ability, knowledge and moral value.

This study suggests that, to achieve the Living Skill objectives, a training program for teacher's should be well introduced to enhance teacher's efficiency in skills, knowledge and confidence. Facilities and workshops for the purpose of training students in practical should be well equipped in delivering skill and knowledge.

From the result of this study, it can be concluded that the Living Skills program should be continued because it shows that student benefit from the program, through changes in attitude in term of their moral value, skills and knowledge.



## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **Latar belakang Kajian**

Di Malaysia, sejak 1970-an lagi telah terdapat beberapa pembaharuan dalam kurikulum. Di antaranya ialah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR, 1983) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 1989). Pembaharuan kurikulum ini boleh dikatakan sebagai satu inovasi kurikulum yang utama atau reformasi yang menyeluruh (Jaffar, 1995: Noor Azmi, 1988).

Dalam setiap sistem pendidikan, perubahan yang dimulakan itu perlu memberi kesan positif. Tetapi ini bukanlah satu perkara yang mudah. Kebanyakan penyelidikan yang dilakukan dalam tahun 1960-an dan 1970-an menunjukkan bahawa kegagalan dan perkembangan, penyerapan, pengedaran dan pelaksanaan kurikulum baru adalah satu amalan yang biasa (Ramlah, 1992). Sistem pendidikan sentiasa mengalami banyak perubahan. Inovasi diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah dan untuk memperbaiki amalan semasa serta mempertingkatkan kualiti pendidikan di sekolah. Di Malaysia, pengenalan dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) 1982 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) 1987 merupakan dua inovasi utama di dalam pendidikan negara. Perubahan-perubahan ini mempunyai pelbagai masalah baik dari segi penyebaran, pembangunan dan proses pelaksanaannya (Zaidatul, 1990: Nor Azmi, 1988). Ini berpunca daripada proses pelaksanaan sesuatu inovasi yang melibatkan satu perubahan di dalam amalan semasa.



Sesuatu pelaksanaan akan menjadi lebih rumit apabila sesuatu aspek inovasi ditafsir secara berbeza-beza oleh pelbagai pihak yang melaksanakannya. Di dalam bilik darjah, guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini kepada murid-murid. Mereka ini bertanggungjawab untuk memperkenalkan inovasi dan kurikulum di sekolah. Untuk menjayakan sesuatu inovasi dalam kurikulum, guru-guru ini seharusnya diberi pendedahan mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baru untuk memenuhi kehendak inovasi tersebut.

Kualiti pendidikan ditentukan oleh keberkesanan guru yang mengajar. Sejauhmanakah guru-guru mempunyai kualiti dalam pengajaran mereka bergantung kepada keberkesanan latihan yang diterima (Ramlah, 1993). Perubahan-perubahan yang hendak dilaksanakan akan menjadi lebih berkesan jika guru-guru bukan sahaja bersedia dan berkebolehan untuk melaksanakan segala rancangan yang telah diatur, tetapi juga berupaya menyediakan diri untuk meneruskan proses perubahan ini secara sendiri.

Kualiti guru-guru bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan dan kemahiran mereka sendiri tetapi juga bergantung kepada darjah motivasi mereka untuk menggunakan ilmu pengetahuan dan kemahiran tersebut secara berkesan (Sharifah, 1990). Untuk menguasai tahap kecekapan yang lebih tinggi mereka perlu menjalani proses menambah, mendalami dan memahami dunia keguruan serta menguasai pelbagai kemahiran melalui latihan-latihan yang dibentuk oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan berlakunya perubahan di dalam masyarakat pada amnya dan bidang pendidikan khususnya, guru-guru perlu mengemaskinikan tahap profesionalismenya secara berterusan

menerusi kursus-kursus dalam perkhidmatan. Dengan cara ini guru-guru yang terlatih dapat bersaing seiring dengan perubahan yang pesat dalam bidang pendidikan dan pembangunan. Mereka akan merasa bahawa mereka dapat memberi sumbangan yang bermakna terhadap matlamat pendidikan negara dengan menyumbangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada murid-murid di sekolah.

Dengan adanya perubahan-perubahan yang pesat dalam sistem pendidikan negara, peranan guru-guru didapati kurang berkesan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah (Mardevan, 1991). Terdapat juga program pendidikan dalam perkhidmatan yang tidak memenuhi keperluan sebenar mengenai tugas-tugas guru di sekolah-sekolah (Rohaty, 1990).

Rancangan KBSM merupakan satu langkah ke arah meningkatkan lagi mutu pendidikan dengan memberi penekanan kepada perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu. Tujuannya ialah untuk melahirkan rakyat yang dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran negara (Jaafar, 1995).

Untuk melaksanakan rancangan tersebut, kurikulum KBSM diubah mengikut kehendak negara. Antara pembaharuan-pembaharuan itu ialah pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup. Mata pelajaran ini telah menggantikan beberapa mata pelajaran elektif lain seperti Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga dan Perdagangan.



## **Kemahiran Hidup**

Kemahiran Hidup adalah satu mata pelajaran baru yang digubal mengikut kehendak perakuan-perakuan yang disarankan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet (1989). Perakuan-perakuan itu adalah seperti berikut:

'Adalah diperakukan bahawa kurikulum peringkat menengah rendah hendaklah berupa perkembangan dari kurikulum sekolah rendah, iaitu perkukuhan lagi pendidikan asas dan memperkenalkan pendidikan umum yang juga merangkumi aspek-aspek pendidikan pravokasional', dan

'Pendedahan murid-murid kepada bidang teknik dan vokasional di peringkat menengah rendah amatlah terpisah sehingga ia merupakan suatu usaha ke arah pengkhususan. Oleh yang demikian adalah diperakukan supaya kurikulum mata pelajaran-mata pelajaran elektif di peringkat ini diubah pada strukturnya. Sukatan pelajaran yang ada hendaklah digubal semula dengan tujuan supaya pendedahan murid-murid kepada pelajaran teknik dan vokasional tidak hanya terhad pada bidang satu mata pelajaran elektif sahaja tetapi juga ilmu pengetahuan yang penting dari bidang-bidang elektif yang lain'.

(Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1989 m.s 88-90)

Mata pelajaran Kemahiran Hidup diperkenalkan sebagai menggantikan elektif seperti mata pelajaran Sains Pertanian, Seni Perusahaan, Sains Rumahtangga dan Perdagangan. Di dalam pendidikan komprehensif yang diamalkan sejak tahun 1965 hingga sekarang, murid-murid hanya perlu memilih salah satu daripada empat mata pelajaran elektif di peringkat sekolah menengah rendah. Ini bermakna bahawa murid-murid hanya mengetahui isi kandungan mata pelajaran elektif yang berkenaan itu sahaja dan tidak akan mempelajari isi kandungan mata pelajaran lain yang juga berguna dalam kehidupan harian mereka. Ini bermakna murid-murid lebih mahir dalam satu kemahiran sahaja.